

Topik 16: Apakah Maknanya untuk Hidup dengan Iman?

Ibrāhīm [Abraham] adalah hamba Allah yang paling disegani oleh pelbagai agama. Umat Islam, Yahudi, dan Kristian semuanya memandangnya sebagai contoh orang yang beriman. Tetapi apakah sebenarnya iman? Apabila para nabi menulis tentang iman Ibrahim, mereka menyebut beberapa bahagian kisah hidupnya yang menggambarkan bagaimana kita juga perlu hidup dalam iman.

Iman adalah hidup berpandukan firman Allah. Kita beriman apabila kita melihat Allah melalui firman- Nya dan bergantung kepada firman- Nya untuk bimbingan dan kekuatan serta kedamaian.

Dalam pemahaman Abraham, kebenaran dalam iman adalah ketaatan dari hati. Dia melakukan semua perkara yang Allah perintahkan kepadanya kerana dia percaya bahawa Allah itu penyayang dan boleh dipercayai. Dia juga tahu bahawa Allah mampu memenuhi janji- Nya.

Ujian pertama iman Ibrahim [Abraham] terjadi ketika dia dipanggil untuk meninggalkan nenek moyangnya dan keluarganya dan pergi ke tanah baru tetapi dia tidak tahu ke mana dia harus pergi! Dia hanya mengikuti arahan Tuhan.

Karena iman Abraham taat, ketika ia dipanggil untuk berangkat ke negeri yang akan diterimanya menjadi milik pusakanya, lalu ia berangkat dengan tidak mengetahui tempat yang ia tuju. Karena iman ia diam di tanah yang dijanjikan itu seolah-olah di suatu tanah asing dan di situ ia tinggal di kemah dengan Ishak dan Yakub, yang turut menjadi ahli waris janji yang satu itu. Sebab ia menanti-nantikan kota yang mempunyai dasar, yang direncanakan dan dibangun oleh Allah. (Ibrani 11:8-10)

Ujian iman Abraham yang berikutnya adalah ketika Tuhan menjanjikan kepadanya bahawa dia akan mempunyai anak lelaki melalui Sarah (selepas dia mempunyai anak lelaki melalui Hagar). Tidak seperti Hagar, Sarah sangat tua. Janji Tuhan ini juga menguji iman Sarah.

Karena iman ia juga dan Sara beroleh kekuatan untuk menurunkan anak cucu, walaupun usianya sudah lewat, karena ia menganggap Dia, yang memberikan janji

itu setia. Itulah sebabnya, maka dari satu orang, malahan orang yang telah mati pucuk, terpancar keturunan besar, seperti bintang di langit dan seperti pasir di tepi laut, yang tidak terhitung banyaknya. (Ibrani 11:11, 12)

Iman Abraham membawa dia untuk berfikir tentang syurga dan kehidupan kekal. Kepercayaannya akan Kota Allah yang akan datang (iaitu syurga) membuatkan dia sangat teruja. Dia tidak melihat dunia ini sebagai rumahnya untuk selamanya.

Sebab mereka yang berkata demikian menyatakan, bahwa mereka dengan rindu mencari suatu tanah air. Dan kalau sekiranya dalam hal itu mereka ingat akan tanah asal, yang telah mereka tinggalkan, maka mereka cukup mempunyai kesempatan untuk pulang ke situ. Tetapi sekarang mereka merindukan tanah air yang lebih baik yaitu satu tanah air sorgawi. Sebab itu Allah tidak malu disebut Allah mereka, karena Dia telah mempersiapkan sebuah kota bagi mereka. (Ibrani 11:14-16)

Abraham sangat teruja apabila Allah memintanya untuk mempersembahkan anaknya sebagai korban bakaran. Dia percaya bahawa anaknya bakal menjadi bapa kepada banyak bangsa tetapi dia tetap mengikuti arahan Allah. Bagaimana mungkin? Ini adalah kerana dia percaya bahawa Allah akan membangkitkan anaknya dari kematian sekiranya anaknya perlu mati.

Karena ia berpikir, bahwa Allah berkuasa membangkitkan orang-orang sekalipun dari antara orang mati. Dan dari sana ia seakan-akan telah menerimanya kembali. (Ibrani 11:19)

Nabi Musa menulis bahawa iman Abraham dianggap benar oleh Allah. (Kejadian 15:6)

Apakah maksudnya ini? Adakah ini bermakna bahawa Abraham tidak pernah berbuat dosa? Tidak. Semua imam yang hidup sebelum Yesus pernah berbuat dosa. Jadi, adakah ini kerana Abraham itu diberi keistimewaan dari Yesus? Tidak. Kerana tidak seorang pun yang dapat membuat pekerjaan lebih banyak dari apa yang telah dilakukan oleh Allah. Kita adalah hamba, hamba yang hanya membuat sesuatu yang diminta oleh tuannya, dan kebaikan yang kita lakukan hari ini tidak dapat mengubah kejahatan yang kita lakukan semalam.

Disebabkan itulah hakim tidak pernah membebaskan pembunuh daripada hukuman atas apa yang telah dia lakukan walaupun pada waktu dia menghadap hakim, dia tidak lagi membuat kesalahan. Ini adalah disebabkan kejahatan yang kita lakukan sebelum ini tidak dapat dibayar dengan kebaikan yang kita lakukan sekarang. Jika seseorang membunuh, dia tidak lepas dari hukuman bunuh juga.

Jadi apakah yang dimaksudkan bahawa iman Abraham dianggap benar di mata Allah? Jawabannya adalah Allah melindungi Abraham dengan jubah kebenaran dan keampunan. Korban bakaran itu adalah simbol bahawa Yesus akan mati untuk menyelamatkan kita. Umat Allah yang benar akan mengaku dosa mereka ke atas binatang untuk dikorban.

Dalam erti kata lain, Abraham memberikan anaknya sebagai korban bakaran yang melambangkan bahawa Allah akan memberikan Anak-Nya, Yesus, untuk mati ganti kita. Gabriel ada menerangkan fakta ini kepada Daniel yang ditulis di dalam bukunya :

Tujuh puluh minggu telah ditetapkan atas bangsamu dan atas kotamu yang kudus untuk melenyapkan segala pemberontakan, untuk menghentikan dosa, untuk menghapus kesalahan, untuk memberikan keadilan yang kekal, untuk memeteraikan penglihatan-penglihatan dan nubuat, dan untuk mengurapi orang yang paling kudus. (Daniel 9:24)

Apakah yang akan berlaku sebelum 34 AD? Pertama, Israel akan memenuhkan cawan kejahatannya. Disebabkan itulah, tidak lama selepas itu, pusat kota mereka dihancurkan oleh tentera Roma kerana mereka mengisi cawan murka Allah dengan kejahatan dan akhirnya cawan itu pun penuh lalu Allah membiarkan mereka diserang oleh tentera Roma. Kedua, Mesias akan menggenapi persembahan korban bakaran untuk pengampunan dosa. Semua domba yang disembelih dan dijadikan sebagai korban itu melambangkan Yesus yang akan mati. Pada waktu Yesus mati, kain linen kaabah yang sangat tebal itu terkoyak tanpa kelihatan tangan yang mengoyakkannya kerana Allah sendiri yang mengoyakkan kain linen itu. Kain itu terkoyak mula dari bahagian atas ke bawah.

Ketiga, Mesias juga akan membuat “perdamaian dari dosa”. Dalam erti kata lain, Mesias akan membayar dosa manusia. Nabi Yesaya ada menulis:

Kita semua seperti domba yang tersesat, setiap orang mengambil jalan mereka sendiri. Akan tetapi, TUHAN telah membebaskan ke atasnya seluruh kejahatan kita. (Yesaya 53:6)

Keempat, Mesias akan membawa “Kebenaran selamanya.” Itu sudah tentu bukan kebenaran yang ada pada manusia. Apabila orang baik melakukan kejahatan, itu menunjukkan bahawa kebenaran atau kebajikannya tidak berkekalan. Tetapi apabila Yesus hidup dalam kehidupan yang sempurna, Dia tidak pernah berdosa, kebenarannya boleh didapati oleh mereka yang hidup dalam iman. Dan itu adalah kebenaran yang berkekalan kerana apabila kita membuat dosa, kita boleh menjadi suci kembali jika kita bertaubat dan mempunyai iman terhadap Tuhan kembali.

Akhirnya yang kelima, 490 tahun berakhir pada 23 AD merujuk kepada nubuatan Dalam penglihatan Daniel sebelum ini. Ia adalah untuk “menutup” penglihatan itu dan masa nubuatannya.

Saudara- saudari, inilah masanya untuk orang Melayu ketahui tentang nubuatan 490 tahun itu. Perkara ini dapat mengubati hati mereka apabila mereka mengetahui bahawa bangsa Israel bukan lagi umat pilihan Allah. Kenyataan ini boleh mengangkat jiwa mereka dimana Mesias datang untuk memikul dosa kita dan mereka boleh menjadi benar melalui iman dan pertaubatan.

Apabila kita mempelajari semua apa yang telah dikatakan tentang iman Ibrāhīm [Abraham], kita akan tahu bagaimana cara untuk mendapatkan berkat sama seperti Abraham. Kita boleh menuruti firman Allah dengan setia.

Cuba anda renungkan idea yang terakhir itu. Allah mahu supaya kita menuruti firman- Nya. Adakah Allah membiarkan firman- Nya hilang atau disalah- ertikan? Tidak sama sekali. Allah telah melindungi firman- Nya lebih dari tiga puluh abad dan firman- Nya masih lagi boleh dipercayai sehingga kini.

Nabi Solomo ada mengatakan, “Semua firman Allah adalah benar. Allah adalah perisai bagi mereka yang percaya kepada- Nya.” (Amsal 30:5) Nabi Yesaya menambah, “Rumput- rumput dan bunga akan menjadi layu, tetapi firman Allah akan berdiri teguh selama- lamanya.” (Yesaya 40:8)

Jadi dimanakah datangnya khabar angin yang mengatakan bahawa Firman Allah telah diubah- suai oleh manusia? Kita akan mempelajarinya pada siri yang seterusnya.